

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI menyatakan pesawat milik negara 9M-NAA, yang membawa Perdana Menteri keluar negara pada penghujung tahun 2014 tidak pulang ke Malaysia hingga 4 Januari 2015:-**

- (a) apa bentuk kerosakan yang dialami oleh pesawat seperti yang dilaporkan oleh media; dan
- (b) di manakah pesawat tersebut diselenggarakan dan berapa kos yang terlibat.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan Rakyat, pesawat milik Kerajaan 9M-NAA telah menghadapi gangguan teknikal yang diakibatkan oleh kegagalan komponen *fuel filter* daripada beroperasi dengan baik yang didapati dan dikesan tersumbat ketika perjalanan pulang daripada Amerika Syarikat. Pesawat tersebut diselenggara di Bangkok, Thailand dengan melibatkan kos sebanyak RM1,807.00.

Sekian. Terima kasih.